


**Tradewinds**  
Plantation Berhad

---

# MEMBEKALKAN NILAI DENGAN CARA YANG BETUL

## TATACARA KELAKUAN RAKAN NIAGA



---

## **MEMBEKALKAN NILAI DENGAN CARA YANG BETUL**

### **TATACARA KELAKUAN RAKAN NIAGA**

#### **Untuk Tradewinds Plantation Berhad**

#### **1. PENGENALAN**

- 1.1 Tradewinds Plantation Berhad (TPB) menghargai komitmen rakan niaga untuk menegakkan prinsip integriti sebagai asas utama dan penting dalam semua hubungan perniagaan.
- 1.2 Tatacara Kelakuan Rakan Niaga ini (“Kod ini”) menetapkan prinsip utama yang mengatur hubungan perniagaan TPB. Prinsip-prinsip ini adalah piawaian minima yang perlu dihormati dan dipatuhi oleh semua rakan niaga semasa menjalankan urus niaga dengan TPB.
- 1.3 TPB menghargai sekiranya terdapat situasi amalan perniagaan tertentu yang memerlukan penjelasan lanjut, dan dalam keadaan demikian, rakan niaga digalakkan menghubungi rakan sejawat di TPB, yang akan memberi bimbingan dalaman.
- 1.4 Untuk mempermudahkan proses mengemukakan keprihatinan, Kod ini menyenaraikan saluran komunikasi selamat untuk rakan niaga melaporkan sebarang tindakan atau tingkah laku yang dianggap melanggar prinsip Kod ini.

#### **2. KOD PEMERHATIAN**

- 2.1 Kewajipan untuk mematuhi Kod ini adalah pra-syarat untuk semua urusan perniagaan. Rakan niaga bertanggungjawab untuk memastikan kepatuhan serta pemantauan terhadap prinsip-prinsip Kod ini.
- 2.2 Bagi memastikan tiada persepsi yang tidak diingini, rakan niaga juga perlu berusaha untuk menghindari amalan-amalan yang melanggar prinsip-prinsip Kod ini.
- 2.3 Dalam keadaan di mana TPB perlu melakukan pemeriksaan kepatuhan atau menjalankan penyiasatan, rakan niaga dikehendaki memberi sepenuh kerjasama kepada wakil rasmi dari pihak TPB.

#### **3. PRINSIP KOD 6C**

##### **3.1 PRINSIP I: PERILAKU DAN TINDAKAN YANG BEBAS RASUAH**

- 3.1.1 Rakan niaga tidak boleh sesekali, sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti melalui pihak ketiga yang bertujuan mewakili TPB, **melakukan rasuah, penggelapan, menawarkan sogokan, pemerasan atau ancaman** untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil atau tidak wajar.
- 3.1.2 TPB mengiktiraf pertukaran barang promosi dan layanan yang sederhana sebagai amalan perniagaan yang diterima pakai, di mana ia harus selaras dengan polisi pemberi dan penerima berkenaan amalan tersebut, **tidak pernah bertujuan untuk memberi pengaruh yang tidak wajar** terhadap sebarang keputusan perniagaan dan dilakukan secara terbuka semasa perniagaan. Keterangan lanjut boleh dirujuk kepada bahagian Hadiah dan Layanan Baik di dalam Manual Sistem Pengurusan Cegah Rasuah (ABMS).
- 3.1.3 TPB mengamalkan **Polisi Tidak Menerima Hadiah**

### **TATACARA KELAKUAN RAKAN NIAGA**

- 3.2 PRINSIP II: MENGHINDARI KONFLIK KEPENTINGAN
- 3.2.1 Rakan niaga harus **mengelakkan konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi** dan dikehendaki untuk **segera memaklumkan dan menguruskan** situasi berkenaan untuk menggalakkan ketidakberpihakan dan kebebasan ketika membuat sebarang keputusan perniagaan.
- 3.3 PRINSIP III: KEMAMPUAN
- 3.3.1 Rakan niaga mesti bersungguh-sungguh memberikan **pendedahan yang jujur berkenaan pengetahuan, kepakaran, pengalaman dan kelayakan mereka.**
- 3.3.2 Rakan niaga juga dikehendaki untuk mengemukakan **rujukan yang asli dan boleh dipercayai** berkenaan penglibatan dan urusan kerja yang telah dilakukan sebelum ini.
- 3.4 PRINSIP IV: KOMITMEN
- 3.4.1 Semasa memberikan sebut harga atau mengambil bahagian dalam proses tender, rakan niaga mesti melakukannya dengan **komitmen yang tinggi untuk meneruskan kontrak.**
- 3.4.2 Rakan niaga dikehendaki untuk mengambil **tanggungjawab dan akauntabiliti sepenuhnya** dalam memenuhi semua aspek komitmen mereka, sama ada dalam bentuk tulisan atau sebaliknya.
- 3.4.3 TPB menggalakkan rakan niaga untuk **berusaha ke arah penambahbaikan berterusan dan menerapkan amalan terbaik** dalam proses penghantaran produk, perkhidmatan dan urusan kerja kepada TPB.
- 3.5 PRINSIP V: KEPATUHAN
- 3.5.1 Rakan niaga dikehendaki untuk mematuhi dan bertindak mengikut **semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan.**
- 3.5.2 Rakan niaga juga perlu **mengikuti perkembangan dan perubahan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan** untuk memastikan kepatuhan yang berterusan.
- 3.6 PRINSIP VI: PERSAINGAN
- 3.6.1. Rakan niaga **tidak boleh bersekongkol atau bersubahat** dengan pihak lain ketika mengemukakan sebut harga dan menyertai tender.
- 3.6.2 Rakan niaga dikehendaki untuk memberikan **harga yang setimpal dengan nilai sebenar produk, perkhidmatan dan kerja mereka.**

## TATACARA KELAKUAN RAKAN NIAGA

#### **4. MENGEMUKAKAN KEPRIHATINAN**

- 4.1 Sebarang keprihatinan tentang pelanggaran Kod ini boleh dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pendedahan Maklumat Tradewinds Group (M) Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Perspective Lane (M) Sdn Bhd) (TGM).

Berikut merupakan butiran lanjut untuk dihubungi:

Alamat : Level 4A, No.88 Jalan Perdana, Taman Tasik Perdana, 50480 Kuala Lumpur  
No Telefon : 03-20927207  
Alamat Emel : whistleblowing@plsb.my

- 4.2 Rakan niaga perlu mengemukakan keprihatinan dengan niat yang baik atas dasar yang munasabah dengan menyediakan maklumat yang berpatutan menggambarkan keadaan tersebut bersertakan bukti untuk menyokong keprihatinan tersebut sekiranya boleh.
- 4.3 Jawatankuasa Pendedahan Maklumat TGM akan merahsiakan kesemua keprihatinan yang dikemukakan dan tindakan selanjutnya untuk melindungi integriti proses tersebut dan kesulitan semua pihak yang terlibat.
- 4.4 TPB tidak akan bertolak ansur dengan segala bentuk tindak balas dan pembalasan kesan daripada laporan keprihatinan yang benar.



Fairuz Ismail  
Ketua Pegawai Eksekutif  
1 Jun 2023